



NEWSLETTER

Kajian Impak

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) terhadap Subsektor Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor Malaysia



Pengenalan

- Pada tahun 2018, berdasarkan Banci Perdagangan Borong dan Runcit 2019, Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor merupakan **penyumbang terbesar bilangan pertubuhan dan jumlah pekerja**, iaitu masing-masing 25,324 pertubuhan atau **40.6%** dan 97,160 orang pekerja atau **31.5%**.
- Dari segi **output**, subsektor ini menyumbang **RM9.0 bilion** atau 20.8%, **gaji & upah RM1.9 bilion** atau 23.3% dan nilai harta tetap RM2.9 bilion atau 15.3%.

Kumpulan*	1	2	3	4	JUMLAH
Bilangan Pertubuhan	8,239	25,324	18,139	10,685	62,387
Nilai Output (RM Juta)	17,726	8,973	11,947	4,484	43,130
Bilangan Pekerja (Orang)	67,642	97,160	93,483	50,478	308,763
Gaji & Upah (RM Juta)	2,809	1,875	2,503	858	8,045
Nilai Harta Tetap (RM Juta)	8,653	2,922	5,892	1,618	19,085

Nota.* 1: Jualan Kenderaan Bermotor
2: Pembaikan dan Penyelenggaraan Kenderaan Bermotor
3: Jualan Komponen & Alat Ganti Kenderaan Bermotor
4: Jualan, Pembaikan dan Jualan Komponen & Alat Ganti Motosikal


Sumber: Laporan Awalan Banci Perdagangan Borong dan Runcit, 2019



Bilangan Pertubuhan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor, 2018

Menyembur dan mengecat

1,543



Pembaikan tempat duduk

96

Bilangan Pertubuhan

25,324

Pemasangan komponen, alat ganti dan aksesori

516

Penyelenggaraan dan pembaikan

21,175

Mencuci dan mengilap

1,994

Bilangan Pertubuhan mengikut Industri, 2018


Sumber: Laporan Awalan Banci Perdagangan Borong dan Runcit, 2019

1





Prestasi Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor, 2018




Nilai Jualan RM18.4 billion

- Nilai jualan berjumlah **RM18.4 billion** pada tahun 2018.
- Secara purata, kadar pertumbuhan nilai jualan setahun antara 2005-2018 adalah **11.0%**.

**Bilangan Pekerja
97,160 orang**

- Terdapat **97,160 orang** pekerja yang direkodkan dalam tahun 2018.
- Majoriti pekerja iaitu seramai **68,076 orang** atau meliputi **70.1%** merupakan pekerja sepenuh masa diikuti oleh pemilik dan pekerja keluarga tanpa gaji, 25.7% dan pekerja sambilan, 4.2%.



**Gaji & Upah
RM1.9 billion**

- Jumlah gaji & upah yang dibayar berjumlah **RM1.9 billion**.
- Purata gaji & upah bulanan yang dibayar bagi setiap pekerja bergaji* adalah **RM2,165**.

Nota. *Merujuk pekerja sepenuh masa dan sambilan

**Nilai Harta Tetap
RM2.9 billion**

- Pada tahun 2018, jumlah nilai harta tetap yang dijana oleh Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor adalah **RM2.9 billion**.



2

Sumber: Laporan Awalan Banci Perdagangan Borong dan Runcit, 2019

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

- Pada 16 Mac 2020, Kerajaan telah mengisyiharkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani Covid-19 bermula pada **18 Mac hingga 31 Mac 2020**. Seterusnya, pada 10 April 2020, Kerajaan telah melanjutkan lagi tempoh PKP sehingga **28 April 2020** bagi membendung wabak ini. Di bawah arahan ini, hanya perkhidmatan yang dikenalpasti sebagai **essential services** sahaja dibenarkan beroperasi.
- Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor dikelaskan sebagai **non-essential services**. Walau bagaimanapun, pada 18 Mac 2020, Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan kenyataan bahawa perkhidmatan baik pulih kenderaan masih dibenarkan beroperasi tetapi pada **kadar minima**. Bengkel kenderaan masih dibenarkan beroperasi tetapi dengan pemendekan tempoh operasi yang berbeza antara negeri-negeri.



Negeri	Tempoh Operasi
Kedah & Perlis	9 pagi - 8 malam
Kelantan, N.Sembilan & Terengganu	9 pagi - 2 petang
Melaka	10 pagi - 2 petang
Pahang	10 pagi - 3 petang
Pulau Pinang	Isnin & Khamis sahaja
Perak	9 pagi - 1 petang
Selangor & WP Kuala Lumpur	9 pagi - 4 petang
Sabah	8 pagi - 2 petang (Isnin, Rabu & Jumaat)
Sarawak	7 pagi - 7 malam (Selasa & Khamis)



Kajian DOSM

DOSM membuat kajian yang bertujuan menganggar magnitud dan perubahan (kenaikan atau kejatuhan) dalam nilai jualan subsektor Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan dalam tempoh PKP bermula dari 18 Mac hingga 28 April 2020. Dalam kajian ini, jualan merujuk kepada penerimaan yang diterima daripada perkhidmatan penyelenggaraan dan pembaikan yang diberikan serta jualan barang lain berkaitan, contohnya alat ganti, komponen serta aksesori lain.

Impak PKP Terhadap Prestasi Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor

Dalam tempoh PKP bermula 18 Mac hingga 28 April 2020, DOSM menjangkakan subsektor Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan Bermotor menjana nilai jualan sebanyak **RM0.19 bilion** iaitu merosot **86.9 peratus** berbanding tanpa PKP.

3



Jangkaan Senario 2020

Jangkaan senario 2020 bagi Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan adalah seperti berikut:

Menyusut Seiring dengan Jualan Kenderaan

- Jualan Kenderaan Bermotor dan Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan didapati mempunyai **hubungan positif yang kuat** dengan pekali korelasi 0.97.
- Ini bermakna hasil yang diterima dari Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan akan meningkat seiring dengan peningkatan dalam jualan kenderaan, dan sebaliknya.
- Bagi jualan kenderaan baharu, sumber industri menjangka jualan akan susut ketara antara **70 hingga 80 peratus** dalam tahun ini. Pengedar-pengedar kenderaan berdepan tempoh sukar selepas kebanyakan jelajah promosi, jualan fizikal, penghantaran dan pusat servis serta penyelenggaraan terpaksa ditutup susulan PKP.¹

¹Sumber: BH Online: "COVID-19: Sektor automotif berdepan situasi 'amat' sukar": 13 April 2020

- MIDF Amanah Investment Bank juga menurunkan unjuran jumlah jualan keseluruhan industri (TIV) kepada 504,850 unit berbanding 581,367 unit yang diunjur sebelum ini.
- Prospek pendapatan bagi sektor automotif pada 2020 pula **dijangka susut 51 peratus tahun ke tahun** dan fasa pemulihan selepas PKP dijangka tidak memberi sokongan berikutan sentimen lemah dalam kalangan pengguna.²

²Sumber: Bernama.Com:"MIDF turunkan unjuran TIV 2020 kepada 504,850 unit": 13 April 2020

- Ini secara langsung akan menjelaskan penerimaan dari Penyelenggaraan dan Pembaikan Kenderaan khasnya kenderaan baharu bagi tahun 2020.



BANCI
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020

DATA ANDA MASA DEPAN KITA



Pastikan Anda



20 OCT 2016-2030



Unjuran Pertumbuhan Tahunan Jualan Kenderaan Tahun 2020 bagi Negara Terpilih

✓ CHINA

Jualan diunjur **menyusut lebih dari 10%**

✓ USA

Jualan diunjur **menyusut 15%**

✓ WESTERN EUROPE

Jualan diunjur **menyusut 14%**

! Pemulihan di peringkat global dijangka dapat dicapai hanya selepas **dua tahun**.³

Sumber:

³https://www.accenture.com/_acnmedia/PDF-121/Accenture-COVID-19-Impact-Automotive-Industry

Jangkaan Pemulihan

- Untuk sektor automotif, data Oxford Economics menjangkakan kenaikan output yang kukuh mulai separuh kedua 2020. Sektor automotif diramal memantul semula dari USD418 bilion dalam separuh pertama tahun 2020 kepada USD461 bilion dalam separuh kedua 2020, merekodkan pertumbuhan 10%. Ini diikuti dengan pemulihan selanjutnya 8% dalam separuh pertama 2021, mencapai paras pengeluaran suku tahun keempat 2019.
- Walau bagaimanapun, kebangkitan aktiviti ini akan bergantung kepada berapa pantasnya sektor pembuatan berupaya mengerakkan semula rantai bekalan yang kompleks di pelbagai negara.⁴

Sumber:

⁴Laporan "COVID-19: Supply Chain Resilience Holds Key to Recovery" oleh Baker McKenzie and Oxford Economics: Bernama.Com, 8 April 2020